

25/10/2003

Anak buah Harris disaran kunyah `fejoun`

Halmi

PERJALANAN waktu memang pantas. Ia tidak pernah menunggu sesiapa. Ia akan beredar mengikut putaran waktu. Sedar tak sedar saya sudah enam hari di bumi Bahrain. Dalam sedar tak sedar juga saya hampir selesai mengeliling negara kepulauan yang hanya sebesar Singapura. Jumlah penduduknya pula hampir mencecah 700,000 ribu. Tetapi nilai wang ringgitnya cukup besar. Satu dinar Bahrain bersamaan nilai dengan RM11.

Sepanjang enam hari di Bahrain bermacam kerenah saya temui. Ada sang petualang berhidung belang. Ada sang oportunist yang sentiasa mahu mengambil kesempatan. Kerana itu, ada warga Bahrain yang menggelengkan kepala apabila saya beritahu ada pemandu teksi mengenakan bayaran 20 dinar

Bahrain untuk perjalanan sehala dari tempat saya menginap ke Stadium Nasional Bahrain.

Namun bagi saya, itu adalah secebis pengalaman yang melarut ke dalam tubuh dan mematangkan diri saya. Cuma, perkhabaran yang ingin saya kongsi bersama dengan pembaca di tanah air hari ini bukannya mengenai bola sepak. Apa yang hendak saya ceritakan di sini ialah mengenai gelagat

pak Arab dari Arab Saudi yang berduyun-duyun membanjiri bumi Bahrain pada setiap hari Khamis dan Jumaat.

Apa yang saya perhatikan mengenai pak Arab dari Arab Saudi ialah mereka seolah-olah maharaja menguasai Bahrain. Mereka yang masuk ke Bahrain dari Dammam menerusi Jambatan Lebuhraya bebas melakukan apa saja tanpa sebarang sekatan. Saya sekadar tersenyum sinis apabila seorang pemandu teksi yang membawa kami dari Bab Al Bahrain (pintu masuk Bahrain) di bekas tapak Pelabuhan Lama Bahrain membuat ulasan panjang lebar mengenai `peel` pak Arab dari Arab Saudi. Itu belum lagi diperhitungkan `peel` pak Arab dari Kuwait.

Kawan baru saya yang memandu teksi ini namanya Saeed. Bahasa Inggerisnya agak bagus tetapi kadangkala kurang lancar. Bagaimanapun mereka lebih bagus daripada pemandu teksi di Thailand atau Indonesia. Setidak-tidaknya

mereka tahu juga mengenai Menara Berkembar Kuala Lumpur dekat KLCC.

Setidak-tidaknya juga mereka tahu dan amat menghormati Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kalau tidak masakan Bahrain Tribune berusaha keras untuk menyiarkan pandangan Paul Krugman yang dipetik dari New York Times bertajuk `Listening to Mahathir`.

Saya cukup berbangga dengan sikap penduduk Arab Bahrain. Cuma agak saya terkilan ialah warga peniaga India yang menyangkakan kami kelompok wartawan dari Malaysia ini sebagai pekerja Filipina. Kerana itu, mereka umpama endah tak endah setiap kali kami masuk mahu berbelanja atau

bertanyakan harga sesuatu barangan.

Namun apa yang saya perhatikan mengenai rakyat Bahrain ialah mereka cukup peka dengan sebarang perihal mengenai bola sepak. Dan, kerana itu saya terkejut apabila Saeed memberitahu saya dia mendapat 20,000 dinar selepas Bahrain berjaya menewaskan Iran pada perlawanan terakhir kempen kelayakan Pra-Piala Dunia 2002.

Saya bertanyakan dari dan siapakah insan yang baik budi mahu memberikan 20,000 dinar kepadanya. Saeed menjawab ringkas. Katanya, ada seorang pak Arab dari Arab Saudi memberikannya wang itu sebagai tanda berterima kasih kerana Bahrain berjaya membantu negaranya. Sebagai tanda terima kasih dan kerana sentiasa berulang-alik ke Bahrain untuk berseronok, dia dengan senang hati memberikan 20,000 dinar kepada Saeed.

Untuk pengetahuan semua, Saeed memberitahu saya betapa Bahrain akan jadi umpama gurun pasir yang gersang tanpa tiga perkara. Saeed meminta saya meneka apakah tiga perkara itu. Saya cepat-cepat mengaku kalah dan tidak mahu lagi main teka. Saeed dengan berterus terang menyatakan Bahrain hidup kerana `perempuan, arak dan tarian gelek`.

Masya-Allah. Tetapi itulah hakikat kehidupan pak Arab dari Arab Saudi atau Kuwait setiap kali mereka bertandang ke Bahrain.

Tetapi saya akan tetap mengingati pesanan Setiausaha Ketiga Kedutaan Malaysia di Bahrain, Haruddin Adam. Si Haruddin ini duduk di Brazil selama tujuh tahun sebelum bertugas di Manama. Sebagai orang yang fanatik dengan bola sepak, Haruddin meminta anak buah Alan Harris makan `fejoun` - sejenis kacang penguat stamina yang sentiasa dikunyah pemain bola sepak di Brazil. Apa salahnya kalau kita mencuba!